

16/10/2003

Liga Arab sokong calon Malaysia

KUALA LUMPUR: Liga Arab akan memberi sokongan penuh kepada calon Malaysia untuk menjadi Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang baru.

Setiausaha Agungnya, Amr Moussa (gambar), berkata Malaysia di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah membuktikan keupayaannya melaksanakan dasar yang menjadi kisah kejayaan sebuah negara Islam.

"Kepada mereka yang memandang negatif terhadap Islam, mereka harus melihat Malaysia. Saya yakin hala tuju yang dibawa Malaysia dan kepemimpinannya.

"Oleh itu, Liga Arab sedia menyokong calon dari Malaysia, kenapa tidak," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian di hotel penginapannya di sini, semalam.

Moussa, yang berada di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara OIC ke-10 bermula hari ini, ditanya mengenai sokongan negara Arab jika Malaysia menawarkan tokohnya untuk menjawat kerusi Setiausaha Agung menggantikan Dr Abdelouahed Belkeziz yang akan berundur akhir tahun ini.

Setakat ini, hanya Bangladesh menyatakan secara terbuka keinginan menjawat jawatan itu dengan mencalonkan Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri Khaleda Zia, Salauddin Quader Chowdhury Mei lalu.

Turki walaupun dikatakan turut meminati jawatan itu belum menamakan calonnya.

Malaysia, yang diminta banyak negara Islam supaya menjawat jawatan itu, sudah menyatakan kesediaan jika mendapat sokongan anggota.

Isnin lalu, akhbar ini melaporkan Malaysia mempunyai beberapa nama untuk dicadangkan bagi jawatan Setiausaha Agung OIC, antaranya bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Hasmy Agam.

Mengenai mesyuarat OIC kali ini, Moussa percaya sidang kemuncak ke-10 ini dan kepimpinan Malaysia sepanjang tempoh itu memberi kesan besar kepada keseluruhan dunia Islam.

"Peranan Malaysia sangat kritikal kepada dunia Islam terutama dalam memikirkan keadaan semasa dan masa depannya.

"PM (Dr) Mahathir sangat penting dan dihormati masyarakat Islam.

"Saya percaya keupayaan Malaysia menerajui OIC dan menghasilkan keputusan positif terutama dalam menangani pelbagai isu membabitkan negara Islam," katanya.

Moussa berkata, peranan Dr Mahathir sangat penting untuk menentukan hala tuju selanjutnya dalam pertubuhan berusia 34 tahun itu.

"Beliau seorang negarawan dan mempunyai pengalaman melaksanakan polisi berjaya. Apa saja beliau kata, saya akan sokong PM (Dr) Mahathir," katanya.

Mengenai sidang kemuncak itu, Moussa berkata, sudah tiba masanya negara anggota mencapai kesepakatan mengenai bentuk tindakan yang perlu diambil terhadap Israel.

"Kami menyokong sebarang tindakan terhadap Israel. Kami juga menyeru pemimpin seluruh dunia untuk mengutuk kekejaman Israel.

"Israel mesti dikenakan tindakan tegas daripada kita semua kerana apa yang dilakukannya (terhadap Palestin) tidak boleh diterima sama sekali," katanya.

Mengenai penghantaran tentera pengaman di kalangan negara Islam, beliau

berkata, ia hanya dapat dilakukan dengan mandat Majlis Keselamatan PBB.

Sebarang persetujuan terhadap resolusi mengenai Iraq adalah lemah kerana banyak negara akan bertindak berkecuali.

Majlis keselamatan sedang membincangkan resolusi yang tertangguh akibat perbezaan pendapat mengenai peranan Amerika Syarikat dan negara lain.